

Jabatan Audit Negara kesan 11 isu punitif

Kuala Lumpur: Jabatan Audit Negara (JAN) mengesan 11 isu punitif yang boleh disiasat pihak berkuasa menerusi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, bagaimanapun tidak mendedahkan isu terbabit kerana bimbang pihak disyaki dan bertanggungjawab terhadap masalah itu menyembunyikan maklumat.

“Secara umumnya kita menemui beberapa penemuan dan boleh diambil tindakan korektif dan punitif. Dari segi perolehan daripada audit terbabit, ada 153 isu dan daripada jumlah itu, kita berasakan ada 11 isu punitif boleh disiasat pihak berkuasa.

“Bagaimanapun, saya tidak boleh mendedahkan apa 11 isu itu kerana jika kita sebut mengenainya, mereka yang bertanggungjawab mungkin boleh menyembunyikan maklumat.

“Sebab itu kita tidak boleh

memperincikan kes membabitkan isu punitif ini,” katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh.

Nik Azman berkata, laporan Ketua Audit Negara kali ini juga diagihkan dalam bentuk salinan digital bagi menjimatkan kos percetakan.

Sementara itu, Kah Woh berkata, PAC mengambil maklum isu dibangkitkan Ketua Audit Negara dalam laporannya dan akan mengadakan mesyuarat khas bagi menentukan kementerian, jabatan, badan berkanun atau agensi untuk menjalani prosiding.

“Sepanjang tahun ini, jawatankuasa ini sudah membentangkan lima Laporan PAC dan empat daripadanya membabitkan isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, manakala satu lagi

laporan adalah berdasarkan kepentingan awam.

“Empat laporan berkenaan adalah Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis, Projek Sistem Kutipan Caj jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP), Aktiviti Kawalan Pekerja Asing serta Pengurusan Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) dan laporan PAC berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), adalah membabitkan kepentingan awam.

“Jawatankuasa ini juga membentangkan tiga laporan Tindakan Susulan Kementerian terhadap syor dibangkitkan dalam Laporan PAC membabitkan Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 Billion, Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional dan Pembangunan Kereta Terbang,” katanya.



Secara umumnya kita menemui beberapa penemuan dan boleh diambil tindakan korektif dan punitif.

Nik Azman Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara